

SEMINAR BERKALA: RUANG DISKUSI TENAGA AKADEMIK SPE

Kakitangan SPE khususnya kakitangan akademik mempunyai ruang medium diskusan melalui siri-siri Seminar Berkala yang kerap di adakan. Ia memberi peluang kepada kakitangan dan pelajar-pelajar membentangkan dapatan ilmiah serta membuka ruang perbincangan yang di kendalikan secara ilmiah. Fungsi seminar berkala bukan sahaja sebagai ruang pembentangan dapatan kajian yang dijalankan malah menjadi sesi tapisan bagi kertas kerja serta kajian yang dijalankan khususnya bagi dibentangkan di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat

antarabangsa. Seminar Berkala SPE diselaraskan oleh Dr. James Alin yang begitu aktif menganjurkan siri-siri seminar mini yang dijalankan secara puratanya dua kali dalam sebulan. Menurut Dr. James Alin, 'pihaknya mengalu-alukan sebarang permintaan dari kakitangan akademik mahupun pelajar pasca yang ingin membentangkan kertas kerja mahupun kajian mereka dalam siri-siri seminar yang dianjurkan. Melalui seminar sebegini ia akan dapat memperbaiki mutu kertas kerja yang dijalankan. Idea bagi menganjurkan Seminar

Berkala telah dimulakan sejak tahun 2000 oleh mantan dekan SPE sebelum ini. Setakat ini Siri Seminar Berkala telah dijalankan sebanyak 47 kali menjadikannya antara sekolah yang aktif menganjurkan mini seminar sebegini. Pelbagai kajian yang meliputi aspek ekonomi, perniagaan, pelancongan, sosial antara yang kerap menjadi topik pembentangan setiap kali seminar diadakan. Pihak penganjur juga turut mengalu-alukan pihak lain yang ingin membentangkan kertas kerja atau dapatan kajian untuk dikongsi bersama melalui sesi diskusan ilmiah sebegini.